



International Journal of Entrepreneurship and Management Practices (IJEMP)

Journal Website: <http://ijemp.com/>
eISSN: 2600-8750



PENGURUSAN KEWANGAN PRASEKOLAH SWASTA

FINANCIAL MANAGEMENT OF PRIVATE PRESCHOOL

Syed Lamsah Syed Chear^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Malaysia
Email: syedlamsah@unisel.edu.my
* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.01.2020
Revised date: 10.03.2020
Accepted date: 13.03.2020
Published date: 15.03.2020

To cite this document:

Syed Chear, S. L. (2020). Pengurusan Kewangan Prasekolah Swasta. International Journal of Entrepreneurship and Management Practices, 3 (9), 52-67.

DOI: 10.35631/IJEMP.39005.

Abstrak:

Perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak di sektor swasta semakin berkembang dengan kemunculan pelbagai jenama francais tempatan dan antarabangsa. Rangkaian francais tadika swasta dikatakan memiliki strategi pemasaran yang lebih menyeluruh serta dianggap mempunyai kawalan mutu yang lebih baik. Ini menimbulkan persoalan terhadap kemampuan tadika dan taska persendirian untuk bersaing di pasaran. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau aspek pengurusan kewangan di tadika dan taska persendirian serta kemampuan institusi ini untuk berdaya maju. Data diperolehi melalui borang soal-selidik yang diedarkan kepada para pengusaha. Skop kajian terhad kepada institusi berdaftar di negeri Selangor. Maklumbalas daripada 52 institusi mendapati sebilangan besar institusi mempunyai jumlah kanak-kanak yang mencukupi. Guru-guru adalah berkelayakan tetapi dibayar gaji pada skala yang rendah. Saiz kelas yang kecil dan berbeza-beza menyebabkan tadika swasta tidak menyediakan pembantu pengurusan murid. Lebih banyak tadika berada dalam kategori pendapatan tinggi berbanding taska, manakala dalam aspek perbelanjaan kedua-dua institusi berada dalam kategori rendah. Yuran pendaftaran adalah berbeza-beza antara institusi tetapi tadika mengenakan yuran sampingan pada kadar yang lebih tinggi berbanding taska. Terdapat perbezaan keutamaan perbelanjaan operasi yang ditanggung antara tadika dan taska. Beberapa saranan untuk mengurangkan beban kewangan pengusaha tadika dan taska dibincangkan di akhir artikel ini.

Kata Kunci:

Tadika dan Taska Swasta, Pengurusan Kewangan, Daya Saing

Abstract:

Early childhood services and education industry have grown steadily with a wide range of local and international franchise brands. This raises questions about the ability of private kindergartens and nurseries to compete in the

market. The objective of this study is to analyze the basic aspects of the financial management of this institution and its ability to be viable and competitive. Data is obtained through questionnaires that are distributed to selected entrepreneurs and managers in the state of Selangor. Feedback from 52 institutions found that a large number of institutions have a sufficient number of children. Teachers are qualified but paid salaries on a low scale. Student management assistant is not provided due to small and varied size of classes. More kindergartens are in high-income categories compared to nurseries, but both institutional spendings are in lower categories. The registration fee varies between institutions but the kindergarten charges an additional fee at a higher rate compared to nurseries. There are preferential differences in operating expenses incurred between kindergartens and nurseries. Some recommendations to reduce the financial burden of private pre-school operators are discussed at the end of this article.

Keywords:

Private Preschool, Financial Management, Viability, Market Competitiveness

Pendahuluan

Pendidikan prasekolah merupakan satu daripada bidang tumpuan yang dinyatakan dalam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan. Menyedari sumbangan sektor swasta terhadap perkembangan industri asuhan dan didikan awal kanak-kanak, kerajaan mengiktiraf pendidikan prasekolah swasta sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan (Undang-Undang Malaysia, 2012). Langkah ini bertujuan untuk mempermudah pelaksanaan kurikulum standard, meningkatkan kualiti guru serta perkongsian pintar antara kerajaan – swasta sekaligus mendokong matlamat kementerian untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dengan lebih menyeluruh. Jumlah kelas prasekolah swasta mewakili 56% kelas prasekolah kebangsaan. Pada tahun 2017 sebanyak 1,387 kelas prasekolah swasta dibuka berbanding 206 kelas prasekolah awam (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2018). Kewujudan lebih 20 jenama yang bernaung di bawah Persatuan Francais Malaysia (MFA) seperti Nuri, Q-Dees Worldwide Edusystems, Smart Reader Kids, Pusat Perkembangan Minda CiC dan sebagainya (MFA, 2019) serta pelbagai jenama lain yang menawarkan perkhidmatan seumpama seperti Little Caliphs, REAL Kids, Genius-Aulad, Brainybunch, Pasti dan beberapa lagi menjadi petunjuk positif industri ini.

Masyarakat telah mula menerima prasekolah swasta sebagai saluran pendidikan alternatif serta menganggap prasekolah swasta menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih islamik (Mustafa & Azhari Azman, 2013). Namun faktor persaingan sesama pengusaha menyebabkan sebilangan prasekolah swasta tertekan dengan beban kewangan sehingga menjelaskan kualiti yang sepatutnya disediakan. Nik Azhari, Qamaruzaman, Ibrahim Bajunid dan Hassan (2015) dalam kajian terhadap rekabentuk dalam prasekolah swasta di Selangor merumuskan terdapat kelemahan di kalangan pengusaha untuk menyediakan persekitaran yang dapat merangsang pembelajaran kanak-kanak khususnya dalam aspek kawalan dan keselamatan yang didapati kurang diberi perhatian. Dapatkan kajian yang hampir sama dikemukakan oleh Bava Mohidin, Ismail dan Ramli (2015). Bagi menghadapi cabaran-cabaran yang terjadi akibat daripada kemajuan teknologi, perubahan dasar kerajaan dan tren kalangan pengguna yang sukar diramal, kemampuan para pengusaha untuk mengenalpasti dan melaksanakan strategi pemasaran berkesan dikatakan menjadi kunci kejayaan sesebuah organisasi (Mustafa, Yeop Yunus & Azhari Azman, 2013).

Pengurusan prasekolah swasta bukan sahaja menumpu kepada orientasi perkhidmatan sosial tetapi ia juga berteraskan kepada entiti perniagaan agar institusi ini terus dapat menawarkan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat. Amnya faktor-faktor kritikal kejayaan usahawan kecil sering dikaitkan kepada reputasi kejujuran yang dimiliki, khidmat pelanggan yang baik serta kuat berusaha (Chong, 2012). Kebanyakan pengusaha prasekolah swasta adalah wanita dan menurut Mat Rashid, Che Ngah, Mohamed dan Mansor (2015), kejayaan usahawan wanita dipengaruhi oleh faktor personaliti selain keluarga dan persekitaran. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan kecil bumiputera adalah kelemahan mengurus, kegagalan pemasaran dan kesukaran mendapat pembiayaan, penglibatan terhad dalam pasaran antarabangsa, kekurangan pekerja berkemahiran dan ketiadaan bahan mentah (Che Omar & Mohd Nor Azmi, 2015). Maka pentadbir-pentadbir di prasekolah swasta samada mereka adalah guru, pengurus atau pengusaha perlu memiliki kemahiran mengurus. Ia penting untuk meningkatkan daya saing syarikat di pasaran serta mengekalkan kualiti perkhidmatan (Yahya, Fatt, Othman, Abdul Rahman & Moen, 2011). Pengurusan kewangan adalah yang terpenting kerana ia menentukan hala-tuju organisasi, meningkatkan kecekapan penggunaan sumber, membantu memilih pembiayaan pelaburan dan agihan keuntungan kepada pemodal (Jayashree & Priya, 2016).

Permasalahan dan Objektif Kajian

Perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak semakin mendapat perhatian masyarakat. Tadika swasta yang menawarkan pelbagai model pembelajaran tumbuh bagi cendawan melalui perniagaan francais dengan pelbagai jenama. Keupayaan tadika jenama francais memaparkan imej berkualiti dan berkembang di serata pelusok negeri melalui aktiviti pemasaran yang intensif menimbulkan keraguan akan keupayaan tadika persendirian untuk bersaing di pasaran. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau aspek pengurusan kewangan di tadika swasta persendirian dengan harapan ia dapat dikaitkan kepada prospek untuk institusi berkenaan terus berdaya maju. Persoalan-persoalan yang ingin dijawab adalah:-

- (i) Bagaimanakah latarbelakang tadika swasta persendirian di Selangor?
- (ii) Apakah sumber utama pendapatan dan keutamaan perbelanjaan di tadika persendirian?

Hasil kajian ini diharap dapat membantu agensi berkepentingan seperti Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) serta persatuan dan pertubuhan berkaitan termasuk institusi-institusi latihan untuk mengetahui dengan lebih terperinci latarbelakang pengurusan kewangan tadika swasta persendirian. Maklumat ini membuka ruang kepada agensi berkaitan menggubal dasar yang bersesuaian. Institusi-institusi latihan dan persatuan berpeluang untuk membangunkan program-program latihan yang diperlukan. Ia juga diharap dapat meningkatkan kesedaran di kalangan pemain industri terhadap kepentingan kecekapan mengurus kewangan untuk memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada masyarakat demi manfaat kanak-kanak dan masa hadapan negara.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian adalah kuantitatif dilakukan melalui tinjauan (survei). Kaedah ini dianggap bersesuaian kerana data yang dikumpul bersifat numerikal (Creswell, 2002), dapat menghasilkan generalisasi berdasarkan teori dan formula tertentu (Bryman, 2012) dan kelebihan utamanya adalah ia dapat menimbulkan maksud tersirat daripada sesuatu kejadian (Amaratunga, Baldry, Sarshar & Newton, 2002). Dua kategori data yang ingin dianalisa adalah informasi institusi dan perincian kewangan. Informasi institusi seperti status pemilik, fasiliti, latar-belakang guru, kurikulum dan sebagainya merupakan data umum yang dijangkakan sediada di institusi kerana ianya merupakan data yang wajib disediakan secara berkala untuk

pemantauan pihak berwajib (Jabatan Pendidikan Negeri Pahang [JPNP], n.d). Sebaliknya maklumat kewangan terhad kepada struktur yuran dan jumlah modal. Maklumat yang lebih terperinci seperti kira-kira kewangan atau seumpamanya adalah sulit dan tiada keperluan untuk didedahkan kepada umum apatah lagi bagi organisasi pemilikan tunggal dan sendirian berhad (Open Universiti Malaysia, n.d.). Entiti institusi yang terlibat dengan kajian ini boleh dianggap sebagai perniagaan kecil dan sederhana dan menurut Abd Moen, Che Omar, Derawi dan Hamdan (2012) institusi sebegini dikaitkan sebagai organisasi yang tidak mempunyai sistem pengurusan kewangan yang lengkap dan berkesan. Sehubungan itu pengkaji melakukan temubual awal terhadap beberapa pengusaha untuk mendapatkan gambaran umum pengurusan kewangan sebelum membina item soal-selidik seperti disarankan oleh Kahn & Cannell (1957) dan Easterby-Smith & Lowe (2002).

Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data memerlukan pengkaji melawat dan berinteraksi mesra dengan pentadbir-pentadbir di institusi kajian. Ia penting untuk memastikan terma yang digunakan dalam soal-selidik difahami dengan maksud yang sama di kalangan responden yang mempunyai pengalaman dan latarbelakang akademik yang berbeza-beza. Interaksi bersemuka memberi ruang kepada pengkaji untuk meneroka dan menganalisa maklumat-maklumat daripada pelbagai perspektif yang tidak dapat diukur secara kuantiti dan maklumat yang berbeza mungkin diperoleh daripada situasi yang berbeza (Easterby-Smith & Lowe, 2002). Lawatan ke institusi-institusi memberi peluang kepada pengkaji untuk membuat penelitian fenomena dan membina makna daripada perspektif yang dikehendaki (Idris, 2013). Data kajian diperolehi melalui borang soal-selidik yang diedarkan kepada pengusaha sesebuah tadika dan taska. Borang soal-selidik diketahui digunakan secara meluas dalam kajian yang bertujuan untuk mengumpul data primer (Diamantopoulos & Schlegelmilch, 1996) dan sangat popular dalam bidang perniagaan kerana ia mampu mencakupi jumlah sampel yang besar serta dapat dianalisis dengan pelbagai kaedah (Zikmund, 2003). Ia juga menyenangkan responden dan oleh yang demikian pengkaji dapat mengumpul seberapa banyak maklumat yang diperlukan (Bryman, 1992; Evans & Mathur, 2005). Penggunaan borang soal-selidik sebagai instrumen utama dalam kajian pengurusan kewangan adalah lazim di peringkat awalan yang bersifat tinjauan (Abdullah et al., n.d.; Aladdin & Ahmad, 2017; Rahman & Zulkifly, 2016), manakala di peringkat lebih tinggi ia dilakukan melalui soal-selidik dan temubual berstruktur (Uvaneswaran & Mekonnnen, 2017) dan penelitian komprehensif dokumen secara perbandingan (Femi, Michael & Abosede, 2016). Menurut Bell (2005), tiada kaedah tertentu ditetapkan untuk sesuatu kajian kerana penentuan kaedah adalah berdasarkan latarbelakang dan skop topik yang ingin dikaji serta jenis data yang ada.

Rekabentuk soal-selidik adalah untuk tujuan mendapatkan maklumat dan tiada soal-jawab mencari sebab atau akibat iaitu mematuhi definisi penyelidikan eksplorasi oleh Robson (2002). Pengkaji terlebih dahulu menghubungi pihak institusi untuk mendapatkan kebenaran serta menjelaskan objektif kajian. Pihak institusi diberi peluang mengemukakan soalan-soalan untuk mendapatkan penjelasan daripada pengkaji mengenai kehendak atau maksud setiap soalan. Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A adalah mengenai latarbelakang institusi terdiri daripada 10 item yang mencakupi aspek pendaftaran institusi, jumlah staf dan enrolmen kanak-kanak, serta kurikulum yang ditawarkan. Bahagian B adalah soal selidik pengurusan kewangan terdiri daripada 3 item sumber pendapatan iaitu yuran bulanan, yuran pendaftaran dan lain-lain yuran, manakala skop keutamaan perbelanjaan meliputi 7 item iaitu gaji guru, bil utiliti, kos penyediaan makanan, kos mengadakan bahan pembelajaran, kos pemasaran, lain-lain kos dan medium pengiklanan. Setiap item pengurusan kewangan adalah

berdasarkan skala rendah, sederhana dan tinggi. Sebagai contoh, institusi yang menerima sekurang-kurangnya dua item pendapatan berskala tinggi diklasifikasi sebagai berpendapatan tinggi, manakala institusi yang mencatatkan 3 item sederhana dianggap sebagai berpendapatan rendah. Soal-selidik yang dibangunkan oleh pengkaji disemak oleh sekumpulan pakar sebelum geran kajian ini diluluskan mematuhi saranan oleh Oppenheim (1992). Jadual klasifikasi institusi daripada aspek pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Klasifikasi Institusi Berdasarkan Skala Pendapatan dan Perbelanjaan

Sumber pendapatan institusi		Kos operasi institusi	
Skala item terkumpul	Kategori	Skala item terkumpul	Kategori
3T, 2T 1S, 2T 1R	Tinggi	4T, 3T 1S, 3T 1R, 2T 2S, 2T 1S 1R	Tinggi
1T 2S, 1T 1S 1R, 1T 2R	Sederhana	2T 2R, 1T 3S, 1T 2S 1R, 1T 1S 2R, 1T 3R	Sederhana
3S, 2S 1R, 1S 2R, 3R	Rendah	4S, 3S 1R, 2S 2R, 1S 3R, 4R	Rendah

Skala item : T – tinggi, S – sederhana, R - rendah

Populasi dan Sampel Kajian

Lokasi kajian di negeri Selangor. Skop populasi adalah 1,883 buah tadika swasta yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS). Berdasarkan statistik MAMPU (2018), ia mencakupi 25% daripada 7,500 buah tadika swasta di seluruh negara. Kawasan tumpuan adalah di daerah Petaling Perdana, Hulu Langat, Klang dan Gombak. Taburan lokasi tadika swasta di Selangor ditunjukkan di Jadual 2.

Jadual 2: Taburan Tadika Swasta Mengikut Daerah Pentadbiran (PPD) di Selangor

No.	Daerah	Jumlah Tadika		Jumlah Kelas	
		Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
1.	Gombak	210	11.15	853	10.69
2.	Hulu Langat	388	20.60	1698	21.30
3.	Hulu Selangor	56	2.97	189	2.37
4.	Klang	283	15.03	1299	16.29
5.	Kuala Langat	94	4.99	368	4.61
6.	Kuala Selangor	73	3.87	257	3.22
7.	Petaling Perdana	487	25.86	2087	26.17
8.	Petaling Utama	164	8.71	736	9.23
9.	Sabak Bernam	22	1.17	75	0.94
10.	Sepang	106	5.63	411	5.15
		Jumlah	1,883	100.00	7,973
					100.00

Sumber: MAMPU 2018

Teknik persampelan yang digunakan adalah ‘probability – stratified random’ (Saunders, Lewis & Thornhill, 2009) iaitu pemilihan sampel dihadkan kepada kawasan luar bandar di daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor dan hanya melibatkan tadika persendirian tidak berjenama manakala tadika-tadika berjenama francais seperti Little Caliphs, Brainy Bunch dan seumpamanya dikecualikan. Pengkaji menyasarkan 108 buah institusi sebagai sampel kajian berdasarkan formula Krejcie dan Morgan (1970). Bagaimanapun selepas menghubungi lebih daripada 50 buah tadika hanya 36 memberikan maklumbalas positif. Nisbah 23.8% ini masih dianggap memadai iaitu melebihi 10% populasi sepertimana disyorkan oleh Gay, Mills dan Airasian (2012). Sebagai alternatif pengkaji menerima 16 maklumbalas daripada taska swasta untuk perbandingan. Persampelan dibuat untuk menjimatkan kos

penyelidikan melalui pengurangan kos perjalanan, percetakan instrumen penyelidikan, khidmat pembantu penyelidik dan sebagainya (Henry, 1990; Idris, 2013). Menurut Fraenkel dan Wallen (2006), persampelan membolehkan penyelidik menjimatkan masa dan hasil kajian yang diperoleh daripada sampel yang dipilih mengikut prosedur saintifik boleh digeneralisasikan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Profil Institusi

Dalam tempoh kajian pengkaji telah melawat 52 institusi iaitu 36 tadika dan 16 taska. Kesemua institusi berstatus persendirian iaitu tadika dan taska berkenaan tidak terikat atau bernaung di bawah mana-mana organisasi yang lebih besar seperti agensi awam, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan, parti politik atau seumpamanya. Institusi ini menawarkan program asuhan dan didikan berdasarkan kurikulum standard prasekolah kebangsaan (KSPK). Pengkaji berbuat demikian untuk memastikan latarbelakang sesebuah tadika/taska mewakili suasana sebenar di institusi berkenaan dan bukan dipengaruhi oleh faktor luar. Maklumat umum latarbelakang tadika dan taska yang dilawati adalah seperti di Jadual 3a dan Jadual 3b.

Jadual 3(a): Maklumat Kanak-Kanak dan Guru Di Tadika yang Dilawati

Bilangan institusi												
Tempoh Beroperasi			Jumlah kanak-kanak			Jumlah guru			Kelulusan akademik tertinggi			Purata gaji guru
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	17
22.2 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	0	0	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8 %	16.6 %	13.9 %	66.7 %	2.8 %	30.5 %	66.7 %	-	-	15
≤ 5 tahun	<10 tahun	>10 tahun	<16	16 – 25	26 – 35	>35	1 – 2	3 – 4	>4	SPM	STPM	Diploma
14	8	8	1	6	5	24	1	11	24	0	0	Sarjana Muda
38.8 %	22.2 %	22.2 %	2.8									

Matahari, Rawang (1999), Tadika Warisan Pintar, Seri Kembangan (2002), Tadika Alfa Omega, Batang Kali (2004), Tadika Eratunas, Gombak (2004), Tadika Bintang Harapan Ria, Hulu Selangor (2005) dan Tadika Hana Alam Bistari, Puncak Alam (2005); manakala taska terawal adalah Taska Nur Manja, Shah Alam (1997), Taska Tunas Husnina, Rawang (2003) dan Taska Anak Cahaya Bestari, Kepong (2004). Sejumlah besar tadika/taska yang baru beroperasi iaitu ditubuhkan kurang lima tahun lalu (23 institusi, 44.2%) memberi gambaran terhadap keperluan perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak (Mustafa & Azhari Azman, 2013). Perniagaan francais dijangka terus berkembang di Malaysia (Mishra & Mishra, 2015), maka pengusaha prasekolah swasta khususnya daripada kalangan persendirian perlu merebut peluang daripada permintaan tinggi dalam pasaran ketika ini. Tawaran perkhidmatan yang lebih berkualiti memberi manfaat kepada kanak-kanak daripada kalangan keluarga pertengahan (Yoshikawa et al., 2013) yang diketahui banyak terdapat di prasekolah swasta.

Nisbah Guru dan Kanak-Kanak

Perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak di Malaysia tertakluk kepada pelbagai akta seperti Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan sebagainya serta beberapa garis panduan dan peraturan daripada agensi-agensi kerajaan berkaitan. Garis Panduan Penubuhan Taska dan Tadika (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [KPKT], 2012), menetapkan nisbah guru bagi kanak-kanak di tadika adalah seorang guru dan seorang pembantu pengurusan murid bagi setiap 25 orang murid, sementara nisbah pengasuh dengan kanak-kanak ditentukan berdasarkan usia kanak-kanak atau bayi yang terdapat di taska. Sebilangan besar (66.7%) daripada tadika yang dilawati mempunyai jumlah murid melebihi 35 orang kanak-kanak serta jumlah guru lebih daripada 4 orang. Rekabentuk tadika swasta sama sekali berbeza dengan kelas prasekolah anjuran agensi kerajaan seperti Tabika Kemas dan Tadika Perpaduan apatah lagi di Sekolah Kebangsaan. Kelas prasekolah kerajaan bersaiz besar untuk kapasiti antara 20 – 30 murid, lazimnya sebuah bangunan, lapang di sekeliling serta mempunyai susun perabot dalaman yang mematuhi syarat keluasan ruang lantai minimum 3.5 mp yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Dengan demikian, keperluan seorang guru dan pembantu dianggap memadai samada untuk manfaat keberkesanan pengajaran mahu pun bagi tujuan pengawasan keselamatan (Johnson, Finlon, Kobak & Izard, 2017). Kehadiran pembantu atau pengajaran bersama (co-teaching) memberi manfaat besar apabila terdapat kanak-kanak istimewa atau berkeperluan khas (Scruggs & Mastropieri, 2017).

Persekutuan pembelajaran di institusi yang dilawati sedikit berbeza. Taska/tadika swasta kebanyakannya terdapat di kawasan kediaman sebagai rumah teres atau lot kedai dengan rekabentuk dalaman yang serba terhad iaitu saiz bilik yang kecil dan berbeza-beza, serta halaman yang terhad dan agak tertutup. Nisbah guru kepada murid berbeza-beza mengikut kapasiti sesebuah bilik iaitu antara 15 – 25 bagi bilik bersaiz besar dan 10 – 15 bagi bilik-bilik lain yang lebih kecil. Setiap bilik menempatkan kanak-kanak mengikut usia yang berbeza di mana guru-guru yang lebih berpengalaman lazimnya ditempatkan di bilik yang lebih besar dan melibatkan kanak-kanak berusia 6 tahun, manakala guru baru di bilik lebih kecil yang menempatkan kanak-kanak berusia 5 tahun. Tadika yang mempunyai jumlah pelajar yang kecil bagaimanapun tidak melaksanakan peraturan seperti ini. Daripada Jadual 1 ditunjukkan terdapat 24 tadika mempunyai jumlah murid melebihi 35 orang kanak-kanak, 11 tadika mempunyai jumlah murid 16 – 36 orang dan sebuah tadika yang mempunyai jumlah murid kurang daripada 16 orang. Jumlah guru di prasekolah swasta amnya berkadar dengan jumlah murid. Saiz kelas yang kecil dan berbeza-beza serta faktor kawalan kewangan menyebabkan prasekolah swasta tidak menyediakan pembantu pengurusan murid. Guru Besar akan bertindak

sebagai guru pengganti apabila guru bercuti atau memenuhi keperluan lain. Ketiadaan pembantu guru dan pelaksanaan pengajaran bersama merupakan satu kekurangan kerana Shim, Hestenes dan Cassidy (2004) telah membuktikan bahawa pengajaran bersama (co-teaching) berupaya untuk meningkatkan kualiti prasekolah serta tingkahlaku positif di kalangan guru-guru berbanding struktur guru berhiraki atau pengajaran bersendiri yang diperhatikan di prasekolah swasta. Pengajaran bersama oleh dua orang guru yang berbeza kelayakan didapati tetap memberi tahap kualiti yang sama (Vodopivec & Hmelak, 2015), dan dapatkan kajian sebegini sewajarnya menjadi dorongan kepada pengusaha prasekolah swasta untuk melantik pembantu guru bagi tujuan pengajaran bersama.

Kelayakan Akademik Guru Prasekolah Swasta

Jadual 3a dan Jadual 3b menunjukkan kesemua institusi mempunyai guru berkelayakan diploma. Hampir separuh iaitu 15 institusi mempunyai guru berkelulusan sarjana muda (41.7%), dan 4 institusi mempunyai guru berkelayakan sarjana (11.1%). Buku Dasar Institusi Pendidikan Swasta (IPS) menetapkan syarat guru tadika swasta hanya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya serta mempunyai kelayakan profesional, sementara pembantu guru memiliki Penilaian Menengah Rendah (PMR). Syarat ini adalah rendah jika dibandingkan jumlah graduan prasekolah berkelulusan diploma dan sarjana muda di pasaran. Berdasarkan portal Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), terdapat sekurang-kurangnya 70 program berkaitan pendidikan awal kanak-kanak ditawarkan di 42 buah institusi awam dan swasta tersenarai dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Syed Chear, 2017). Pada akhir tahun 2017 terdapat seramai 34,740 guru prasekolah swasta dan daripada jumlah tersebut 6,860 guru mempunyai diploma (19.7%), 4,173 berkelulusan sarjana muda (12.0%), 355 sarjana dan 25 mempunyai kelayakan doktor falsafah (KPM, 2018). Matlamat kementerian untuk mewajibkan kelayakan minima bagi guru prasekolah swasta berkelulusan diploma mulai tahun 2020 serta dasar gaji minimum RM1200 sebulan bakal memberi impak besar kepada industri ini kerana hampir 70% daripada guru prasekolah swasta tidak memiliki kelulusan diploma walaupun terdapat ribuan graduan prasekolah di pasaran. Senario sebegini mungkin disebabkan graduan prasekolah tidak berminat mencebur industri ini sebaliknya bekerja di sektor lain. Memiliki kelayakan akademik yang lebih tinggi tidak menjamin dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran kanak-kanak (McDonald Connors, Son, Hindman & Morrison, 2005), walaupun demikian kajian dalam konteks tempatan melaporkan bahawa guru-guru yang lebih berkelayakan didapati menunjukkan amalan baik dalam pengajaran serta mempunyai laluan kerjaya yang lebih meluas (Nair, Hanafi & Yassin, 2017). Polisi kementerian mewajibkan guru prasekolah memiliki kelayakan diploma perlu diteliti kerana ia turut memberi ruang kepada kalangan guru berkenaan untuk bertukar kerjaya selepas memiliki diploma berkenaan (Ryan & Ackerman, 2005). Saran melaksanakan latihan berterusan dalam perkhidmatan mungkin lebih berkesan (Commission, 2012).

Gred Gaji Guru Prasekolah Swasta

Jadual 3a dan Jadual 3b menunjukkan hampir 60% guru tadika di institusi yang dilawati mendapat bayaran gaji kurang daripada RM1,000 sebulan iaitu daptan kajian yang hampir sama ditemui oleh Foong, Veloo, Dhamotharan dan Loh (2018). Kadar ini dianggap sangat rendah jika dibandingkan dengan skala upah untuk kebanyakan sektor pekerjaan lain. Petunjuk ini memberi gambaran terhadap faktor keengganan graduan prasekolah dan pendidikan awal kanak-kanak untuk mencebur industri ini. Walaupun kerajaan telah mewartakan perintah gaji minimum RM1,050 sebulan/ RM5.05 sejam berkuat kuasa 1hb Januari 2019 (Pejabat Perdana Menteri [PPM], 2018), namun ia masih dianggap rendah untuk mereka yang berkelulusan diploma. Laporan penggajian sektor pendidikan untuk permulaan perkhidmatan adalah lebih

tinggi iaitu purata minima RM1,746 (zon tengah), RM1,879 (zon selatan), RM1,477 (zon utara) dan RM1,475 di Sabah/Sarawak (Jobstreet.com, 2019). Gred gaji permulaan di agensi perkhidmatan awam seperti Guru Tabika Perpaduan S29 juga adalah lebih tinggi iaitu RM1,494 tidak termasuk elau Imbuhan Tetap Perumahan, Elaun Khidmat Awam dan Bantuan Sara Hidup (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional [JPINN], 2018). Walaupun struktur gaji dapat dikaitkan kepada kualiti perkhidmatan yang ditawarkan (Bridges, 2011; Halfon & Langford, 2015; Whitebook, Howes & Phillips, 2014), namun struktur penggajian guru prasekolah swasta sesungguhnya menjadi dilema antara pengusaha, guru-guru dan ibu bapa. Kenaikan gaji guru akan mendorong pengusaha menaikkan kadar yuran bulanan bagi setiap kanak-kanak dan ini akan membebankan pula ibu-bapa. Isu penggajian yang rendah untuk guru prasekolah bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi telah juga berlaku di negara maju lain (National Institute for Early Education Research [NIEER], 2003).

Pengurusan Kewangan Prasekolah Swasta

Laporan kewangan merupakan antara perkara paling sulit dan dilindungi dalam sesebuah organisasi. Kemahiran mengurus kewangan di kalangan usahawan berkait dengan prestasi kewangan sesebuah syarikat (Dahmen & Rodriguez, 2014). Dapatkan kajian ini adalah secara ringkas dan tidak menyeluruh kerana institusi yang terlibat agak keberatan untuk mendedahkan dan pengkaji juga tidak mendesak. Pengkaji lebih mengutamakan hubungan mesra dan cuba mengekalkan kepercayaan dengan pengurusan institusi. Catatan perbelanjaan juga adalah secara anggaran sahaja dan tidak terperinci. Menurut Hacker (2013) kejayaan atau kegagalan penyelidikan yang melibatkan komuniti adalah bergantung kepada hubungan erat antara pengkaji dan ahli-ahli komuniti. Rekod sumber kewangan dan perbelanjaan operasi taska/tadika yang dilawati adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4(a): Kategori tadika berdasarkan pendapatan

Catatan (n = 36)	Yuran bulanan		Yuran pendaftaran		Lain-lain yuran		Kategori	
	< RM70	RM70 - 100	< RM100	RM100 - 200	> RM200	< RM100	RM100 - 200	> RM200
Bil. Tadika	2	3	29	14	8	12	6	3
Peratus %	5.6	8.3	80.6	38.9	22.2	33.3	16.7	44.4

Jadual 4(b): Kategori tadika berdasarkan perbelanjaan operasi

Catatan (n = 36)	Bil.utiliti		Kos bahan pengajaran		Kos makanan		Lain-lain kos		Kategori			
	< RM250	RM250 - 500	> RM500	< RM250	RM250 - 500	> RM500	< RM250	RM250 - 500	> RM500	Tinggi	Sederhana	Rendah
Bil. Tadika	10	12	12	16	13	4	13	12	8	8	10	6
Peratus %	27.8	33.3	33.3	44.4	36.1	11.1	36.1	33.3	22.2	22.2	27.8	16.7

Amnya daripada aspek sumber pendapatan, lebih banyak tadika berada dalam kategori pendapatan tinggi (52.8%) berbanding taska (sederhana, 68.8%), manakala daripada aspek

perbelanjaan didapati sebilangan besar daripada tadika dan taska berada dalam kategori rendah iaitu 66.7% dan 68.8%. Yuran bulanan dikedua-dua institusi kebanyakannya adalah melebihi RM100 sebulan, sementara yuran pendaftaran adalah berbeza-beza mengikut strategi sesebuah institusi dan tadika didapati mengenakan yuran sampingan pada kadar yang lebih tinggi berbanding taska (Jadual 4a & Jadual 4c). Institusi tadika didapati berbelanja pada kadar yang rendah untuk bahan pengajaran (44.4%) manakala perbelanjaan untuk utiliti, makanan dan lain-lain keperluan adalah seimbang di antara kategori tadika (Jadual 4b). Corak perbelanjaan ini sedikit berbeza dengan institusi taska yang menanggung kos yang rendah untuk utiliti (43.8%) iaitu dibawah RM250 sebulan tetapi sederhana untuk makanan (56.2%) dan bahan pengajaran (62.5%) iaitu pada kadar RM250-500 sebulan (Jadual 4d).

Jadual 4(c): Kategori Taska Berdasarkan Pendapatan

Catatan (n = 16)	Yuran bulanan			Yuran pendaftaran			Lain-lain yuran			Kategori		
	< RM70	RM70 - 100	> RM100	< RM100	RM100 - 200	> RM200	< RM100	RM100 - 200	> RM200	Tinggi	Sederhana	Rendah
Bil. Taska	0	0	16	5	8	3	3	4	3	5	11	0
Peratus %	0.0	0.0	100	31.2	50.0	18.8	18.8	25.0	18.8	31.2	68.8	0.0

Jadual 4(d): Kategori Taska Berdasarkan Perbelanjaan Operasi

Catatan (n = 16)	Bil.utiliti		Kos bahan pengajaran		Kos makanan		Lain-lain kos		Kategori			
	< RM250	RM250 - 500	> RM500	RM250 - 500	> RM500	RM250 - 500	> RM500	RM250 - 500	> RM500	Tinggi	Sederhana	Rendah
Bil. Taska	7	5	3	1	10	62.5	31.2	5	37.5	6	56.2	31.2
Peratus %	43.8	31.2	18.8	6.3	62.5	37.5	56.2	6.3	56.2	25.0	6.3	68.8

Daripada analisa di perenggan di atas dapat dirumuskan bahawa kebanyakan tadika dan taska mengenakan kadar yuran pada kadar yang tinggi tetapi melaksanakan pendekatan perbelanjaan yang berhati-hati. Kebanyakan institusi yang terlibat dengan kajian ini mempunyai jumlah kanak-kanak yang mencukupi iaitu melebihi 35 orang dan ini memberi petunjuk adanya permintaan dalam kalangan masyarakat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan di tadika dan taska persendirian. Kaedah pemasaran berkesan (Mustafa, Yeop Yunus & Azhari Azman, 2013) memungkinkan tadika dan taska persendirian untuk bersaing dengan institusi yang berjenama atau tanpa perlu terikut-ikut dengan perniagaan francais yang semakin berkembang dalam industri ini.

Kesimpulan dan Implikasi Kajian

Tahap pendidikan diketahui memberi sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi negara (Phoong et al., 2017). Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan ekonomi bebas berdasarkan konsep penawaran dan permintaan bukan sahaja dalam perniagaan komoditi tetapi termasuk juga dalam perkhidmatan pendidikan (Tilak, 2009). Hasrat kerajaan untuk memperluas pendidikan prasekolah tidak selari dengan model pembiayaan yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan, negeri-negeri dan agensi tempatan yang hanya memfokus kepada

golongan masyarakat tertentu. Situasi seumpama ini turut berlaku di negara-negara maju yang lain (Hustedt & Barnett, 2011). Dasar sediada dan situasi semasa memberi tekanan kepada ibu-bapa berkerjaya khususnya daripada kalangan keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana terhadap isu penjagaan dan didikan anak-anak. Syarat kelayakan yang sukar dipenuhi serta tempat yang terhad ke prasekolah anjuran kerajaan mendorong ibu-bapa memilih prasekolah swasta dengan menanggung kos yang berganda. Pengusaha prasekolah swasta sebaliknya berada dalam dilema kerana terpaksa menaikkan yuran dari setahun ke setahun akibat tekanan persekitaran seperti dasar gaji minimum dan memenuhi keperluan untuk memelihara kualiti yang dituntut oleh ibu-bapa selain faktor untuk bersaing dengan institusi berjenama.

Pengurusan kewangan yang efektif di kalangan pengusaha amat penting untuk mengimbangi kedua-dua tuntutan ini. Kerajaan disaran mewujudkan satu mekanisma untuk membantu tadika dan taska persendirian khususnya dalam aspek kewangan seperti memberi tarif yang lebih rendah untuk penggunaan kemudahan asas iaitu air, elektrik dan pelbagai cukai setempat selain memberi alternatif lain menggantikan syarat kelayakan diploma guru prasekolah. Peranan kerajaan untuk memastikan kualiti pembelajaran di prasekolah swasta dioptimumkan tidak sewajarnya terhad kepada aktiviti pelesenan dan kawalseliaan semata-mata. Walaupun penswastaan dianggap sebagai penyelesaian kepada perbelanjaan kerajaan yang semakin meningkat tetapi ia tidak semestinya langkah terbaik kerana ia turut disertakan dengan risiko. Kemungkinan masih terdapat kumpulan masyarakat yang kurang berkemampuan memerlukan subsidi langsung. Dalam keadaan ini kerajaan perlu lebih proaktif dan bertanggungjawab seperti menanggung sebahagian daripada kos modal manakala kos berulang dikongsi bersama ibu bapa (Woodhead & Streuli, 2013).

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Bestari Universiti Selangor (UNISEL) yang diluluskan bagi tempoh 12 bulan antara November 2018 sehingga November 2019 [No. Geran: UNISEL/CRIL/600/11/18(122)]. Kajian ini turut melibatkan pelajar program Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) (Pendidikan Awal Kanak-Kanak), Universiti Selangor daripada aspek penganjuran pelbagai bentuk program khidmat sosial di lokasi kajian.

Rujukan

- Abd Moen, J., Che Omar, A.R., Derawi, Z., & Hamdan, H. (2012). *Amalan pengurusan kewangan di kalangan usahawan asnaf*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII, 2, 762–769 pada 4 – 6 Jun 2012, Ipoh, Perak. Muat-turun pada 26 Mac 2020 daripada http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_3B4.pdf
- Abdullah, N., Sabri, M.F., Abdul Rahim, H., Othman, M.A., Muhammad Arif, A.M., & Zakaria, N.F. (n.d.). Pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja muda. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 16 – 34. Muat-turun pada 26 Mac 2020 daripada <http://macfea.com.my/wp-content/uploads/2018/11/Artikel-2-JPM-Jilid-21-Dise-2013.pdf>
- Aladdin, Y.H., & Ahmad, A. (2017). Tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa. *International Conference on Global Education V*, pada 10 – 11 April 2017, Universitas Ekaakti, Padang, Indonesia. Muat-turun pada 26 Mac 2020 daripada https://www.researchgate.net/publication/321049902_TAHAP_LITERASI KEWANGAN DI KALANGAN MAHASISWA
- Amaratunga, D., Baldry, D., Sarshar, M., & Newton, R. (2002). Quantitative and qualitative research in the built environment: application of “mixed” research approach. *Work*

- Study, 51(1), 17-31. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <https://doi.org/10.1108/00438020210415488>
- Bava Mohidin, H.H., Ismail, A.S., & Ramli, H. (2015). Effectiveness of kindergarten design in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 202, 47–57. Muat-turun daripada www.sciencedirect.com
- Bell, J. (2005). Doing your Research Project. Buckingham: Open University Press.
- Dalam Ragab, M.AF., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Bridges, M. 2011. California early learning quality improvement system. In Head start state collaboration office, Vol. 1(1). Sacramento, CA: California Department of Education.
- Dalam Foong, L., P. K. Veloo, M. Dhamotharan & C. Loh. 2018. Private sector early child care and education in Malaysia: Workforce readiness for further education. *Kajian Malaysia*, 36(1), 127–154.
- Bryman, A. (1992). Quantitative and qualitative research: further reflections on their integration. *Mixing methods: Qualitative and quantitative research*, 57-78.
- Dalam Ragab, M.AF., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Bryman, A. (2012). Social research methods (4th Edition ed.): Oxford university press.
- Dalam Ragab, M.AF., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Che Omar, C.M.Z., & Mohd Nor Azmi, N. (2015). Factors affecting the success of bumiputera entrepreneurs in small and medium enterprises (SMEs) in Malaysia. *International Journal of Management Science and Business Administration*, 1(9), 40–45.
- Chong, W.Y. (2012). Critical success factors for small and medium enterprises: Perceptions of entrepreneurs in urban Malaysia. *Journal of Business and Policy Research*, 7(4), 204–215. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.2139/ssrn.2006081>
- Commission, P. (2012). Early childhood development workforce. *SSRN Electronic Journal*. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.2139/ssrn.2006081>
- Creswell, J. W. (2002). Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (4th Ed ed.): Prentice Hall.
- Dalam Ragab, M.AF., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Dahmen, P. & Rodríguez, E. (2014). Financial literacy and the success of small businesses: An observation from a small business development center. *Numeracy*, 7(1)(3). Muat-turun daripada DOI: <http://dx.doi.org/10.5038/1936-4660.7.1.3>
- Diamantopoulos, A., & Schlegelmilch, B. B. (1996). Determinants of industrial mail survey response: A survey-on-surveys analysis of researchers' and managers' views. *Journal of Marketing Management*, 12(6), 505-531.
- Dalam Ragab, M.AF., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Easterby-Smith, M., R., T., & Lowe, A. (2002). Management research: an introduction (Second edition ed.): Sage.
- Dalam Ragab, M.AF., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23.

- Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Dalam Ragab, M.A.F., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Femi, O.T., Michael, O.B., & Abosede, A.V. (2016). Comparative analyses of strategic financial management practices in faith-based and community-interest organisations. *Journal of Financial Studies & Research*, muat-turun pada 26 Mac 2020 daripada <http://www.ibimapublishing.com/journals/JFS>
- Foong, L., P. K. Veloo, M. Dhamotharan and C. Loh. 2018. Private sector early child care and education in Malaysia: Workforce readiness for further education. *Kajian Malaysia*, 36(1), 127–154. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.21315/km2018.36.1.6>
- Fraenkel, J.R., & Wallen, E.W. (2006). How to design and evaluate research in education. Boston, MA: McGraw Hill. Dalam Idris, N. (2013). Penyelidikan dalam pendidikan (Edisi kedua). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Gay, L. R., Mills, G.E., & Airasian, P. (2012). Educational research: Competencies for analysis and applications (10th ed.). United States: Pearson Education Inc. <http://englishlangkan.com/produk/E%20Book%20Educational%20Research%20L%20R%20Gay%20Pearson%202012.pdf>
- Hacker, K. (2013). Defining the community and power relationship. Dalam *Community-Based Participatory Research*, m.s 23-39. Thousand Oaks, California: SAGE Publications, Inc.
- Halfon, S. & Langford, R. (2015). Developing and supporting a high quality child care workforce in Canada: What are the barriers to change? Our Schools/Our Selves Summer: 131–144. Muat-turun daripada https://www.policyalternatives.ca/sites/default/files/uploads/publications/National%20Office/2015/09/OS120_Summer2015_Workforce.pdf
- Dalam Ragab, M.A.F., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Hustedt, J.T & Barnett, W.S (2011). Financing early childhood education programs: State, federal and local issues. *Educational Policy*, 25(1), 167–192. Muat-turun daripada DOI: 10.1177/0895904810386605
- Idris, N. (2013). Penyelidikan dalam pendidikan (Edisi kedua). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (n.d). *Buku dasar institusi pendidikan swasta*. Muat-turun pada 26 Mac 2020 daripada <https://swastajpn.pahang.webs.com/1@Pernyataan%20Dasar%20IPS.pdf>
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2018). Iklan kekosongan jawatan Guru Tabika Perpaduan S29. Muat-turun daripada <https://www.perpaduan.gov.my/sites/default/files/2018%20-%20IKLAN%20GURU%20S29.pdf>
- Jayashree, G., & Priya, I.C.M. (2016). A study on the financial management concepts for organizational success. *Imperial Journal of Interdisciplinary Research*, 2(12), 1201–1204. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.onlinejournal.in>

- Jobstreet.com (2019). My salary report 2019. Muat-turun daripada <https://www.jobstreet.com.my/en/cms/employer/case-study/malaysia-salary-report-2019/>
- Johnson, S. R., Finlon, K. J., Kobak, R., & Izard, C. E. (2017). Promoting student-teacher interactions: Exploring a peer coaching model for teachers in a preschool setting. *Early Childhood Education Journal*, 45(4), 461–470. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.1007/s10643-016-0790-1>
- Kahn, R. L., & Cannell, C. F. (1957). The dynamics of interviewing; theory, technique, and cases. Dalam Ragab, M.A.F., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). *Laporan tahunan 2017. Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), Kementerian Pendidikan Malaysia. Muat-turun daripada <https://www.padu.edu.my/wp-content/uploads/2018/07/PADU-LAPORAN-TAHUNAN-BM-2017.pdf>
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2012). *Garis panduan penubuhan taska dan tadika*. Kuala Lumpur: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Research Measurement*, 30: 607 – 610. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada https://home.kku.ac.th/sompong/guest Speaker/KrejcieandMorgan_article.pdf
- MAMPU (2018). Direktori tadika swasta. Muat-turun pada 30/10/2019 daripada http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/direktori-tadika-swasta-tahun-2018
- Mat Rashid, K., Che Ngah, H., Mohamed, Z., & Mansor, N. (2015). Success factors among women entrepreneur in Malaysia. *International Academic Research Journal of Business and Technology*, 1(2), 28–36.
- McDonald Connor, C., Son, S. H., Hindman, A. H., & Morrison, F. J. (2005). Teacher qualifications, classroom practices, family characteristics, and preschool experience: Complex effects on first graders' vocabulary and early reading outcomes. *Journal of School Psychology*, 43(4), 343–375. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.1016/j.jsp.2005.06.001>
- Mishra, C. S., & Mishra, C. S. (2015). Market demand. In getting funded. *Palgrave Macmillan US*. Muat-turun daripada https://doi.org/10.1057/9781137384508_3
- Mustafa, L.M., & Azhari Azman, M.N. (2013). Preschool education in Malaysia: Emerging trends and implications for the future. *American Journal of Economics*, 3(6), 347–351. Muat-turun daripada DOI:10.5923/j.economics.20130306.15
- Mustafa, L.M., Yeop Yunus, N.K. & Azhari Azman, M.N. (2013). An overview of private preschool in Malaysia: Marketing strategies and challenges. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 130, 105–113. Muat-turun daripada www.sciencedirect.com
- Nair, S. M., Hanafi, Z., & Yassin, S. M. (2017). Do preschool teachers' education affect their classroom practices and career paths? *International Journal of Education and Practice*, 5(6), 88–94. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.18488/journal.61.2017.56.88.94>
- National Institute for Early Education Research (2003). Preschool policy matters. Low wages – low quality. Solving the real preschool crisis. Muat-turun daripada <https://pdfs.semanticscholar.org/cabb/ba1a36e4fa6731155dcb98690c9ed038b4b8.pdf>

- Nik Azhari, N.F., Qamaruzaman, N., Ibrahim Bajunid, A.F., & Hassan, A. (2015). The quality of physical environment in workplace childcare centers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 202, 15–23. Muat-turun daripada www.sciencedirect.com
- Open Universiti Malaysia (n.d.). *Topik 1. Pengenalan kepada kewangan*. Muat-turun pada 26 Mac 2020 daripada http://oumvle.oum.edu.my/oumvle_upload/blockmain/BBPW3103/11241/20140829045138_Topik%201%20Pengenalan%20kepada%20Kewangan.pdf
- Oppenheim, A. N. (1992). Questionnaire design, interviewing and attitude measurement: Bloomsbury Publishing. Dalam Ragab, M.AF., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Pejabat Perdana Menteri (2018). Kenyataan akhbar. Gaji minimum untuk sektor swasta. Muat-turun daripada http://www.jpm.gov.my/sites/default/files/siaran_akhbar/Kenyataan%20Akhbar%20-%20Gaji%20Minimum%20-%205%20September%202018_0.pdf
- Persatuan Francais Malaysia (MFA). Muat-turun pada 28.10.2019 daripada http://www.mfa.org.my/newmfa/business-directory/wpbdp_category/education/,
- Phoong, S.W., Tan, X.J., Chen, W.Y., Phoon, M.C., Tan, C.F. & Ho, C.Y. (2017). Education and economic growth: A case study in Malaysia. *The 6th International Conference on Computer Science and Computational Mathematics, Malaysia*. Muat-turun daripada https://www.researchgate.net/publication/322222847_Education_and_Economic_Growth_A_Case_Study_in_Malaysia
- Rahman, A.A., & Zulkifly, W. (2016). Faktor penentu pengurusan kewangan: Kes mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85–94. Muat-turun pada 26 Mac 2020 daripada http://journalarticle.ukm.my/10895/1/Artikel-9_Dr.-Aisyah-Abdul-Rahman_FEP.pdf
- Robson, C. (2002). Real world research: A resource for social scientists and practitioner-researchers (Vol. 2): Blackwell Oxford. Dalam Ragab, M.AF., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Ryan, S., & Ackerman, D. J. (2005). Using pressure and support to create a qualified workforce. *Education Policy Analysis Archives*. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.14507/epaa.v13n23.2005>
- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2009). Research methods for business students: Prentice Hall. Dalam Ragab, M.AF., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>
- Scruggs, T. E., & Mastropieri, M. A. (2017). Making inclusion work with co-teaching. *TEACHING Exceptional Children*, 49(4), 284–293. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.1177/0040059916685065>
- Shim, J., Hestenes, L., & Cassidy, D. (2004). Teacher structure and child care quality in preschool classrooms. *Journal of Research in Childhood Education*, 19(2), 143–157. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.1080/02568540409595061>
- Syed Chear, S.L. (2017). Kerjaya dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. *Majalah Pendidik* (Mei 2017). Kuala Lumpur: Wardah Communication Sdn Bhd. Muat-turun

- pada 28 Mac 2020 daripada <https://www.pendidik.com.my/2017/05/19/kerjaya-dalam-bidang-pendidikan-awal-kanak-kanak/>
- Tilak, J.B.G (2009). Higher education: A public good or a commodity for trade? Commitment to higher education or commitment of higher education to trade. *Prospects*, 38, 449–466. Muat-turun daripada DOI 10.1007/s11125-009-9093-2
- Undang-Undang Malaysia (2012). Akta Pendidikan 550 (1996). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia Di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2055-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-5-tahun-1998-akta-pendidikan-1996-dan-peraturan-peraturan-di-bawah-akta-pendidikan-1996/file>
- Uvaneswaran, S.M., & Mekonnnen, N. (2017). An appraisal about financial management practices pursue by the selected business organization in Dessie Town. Muat-turun pada 26 Mac 2020 daripada https://www.researchgate.net/publication/318462647_AN_APPRAISAL_ABOUT_FI_NANCIAL_MANAGEMENT_PRACTICES_PURSUE_BY_THE_SELECTED_BU_SINESS_ORGANIZATIONS/link/5da01ade299bf116fe9c8d74/download
- Vodopivec, J. L., & Hmelak, M. (2015). The importance of recognizing roles in teams for higher-quality work in preschools and schools. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 186, 1064–1074. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.054>
- Whitebook, M., D. Phillips & C. Howes. (2014). Worthy work, STILL unlivable wages: The early childhood workforce 25 years after the National Child Care Staffing Study. Berkeley, CA: Center for the Study of Child Care Employment, Universit of California, Berkeley. Dalam Foong, L., P. K. Veloo, M. Dhamotharan and C. Loh. 2018. Private sector early child care and education in Malaysia: Workforce readiness for further education. *Kajian Malaysia*, 36(1), 127–154. Muat-turun daripada <https://doi.org/10.21315/km2018.36.1.6>
- Woodhead, M., & Streuli, N. (2013). Early education for all: Is there a role for the private sector? Dalam Britto, P.R., Engle, P.L., & Super, C.M. (2013). Handbook of early childhood development research and its impact on global policy. Oxford Scholarship Online. Muat-turun pada 28 Mac 2020 daripada https://www.aresearchguide.com/wp-content/uploads/2018/01/Woodhead-Streuli_Early-Education-for-All-ORA.pdf
- Yahya, A.Z., Fatt, C.K., Othman, A.S., Abdul Rahman, I., & Moen, J. (2011). Management skills and entrepreneurial success of small and medium enterprises (SMEs) in the services sector. *African Journal of Business Management*, 5(26), 10410–10418. Muat-turun daripada DOI: 10.5897/AJBM11.636
- Yoshikawa, H., Weiland, C., Brooks-Gunn, J., Burchinal, M., Espinosa, L., Gormley, W., & Zaslow, M. (2013). Investing in our future: The evidence base on preschool education. *Society for Research in Child Development*. Muat-turun daripada <https://www.mendeley.com/catalogue/investing-future-evidence-base-preschool-education/>
- Zikmund, W. G. (2003). Business Research Methods. Mason, Ohio: Thomson/SouthWestern.
- Dalam Ragab, M.A.F., & Arisha, A. (2018). Research methodology in business: A starter's guide. *Management and Organisational Studies*, 5(1), 1–23. Muat-turun pada 27 Mac 2020 daripada <http://www.sciedupress.com/journal/index.php/mos/article/view/12708>